

Headline	Mewibawakan budaya acuan Malaysia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	27	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	NASRUDIN MOHAMMED	AdValue	RM 9,713
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,139



Mewibawakan budaya acuan Malaysia



Permasalahan budaya dan kaitannya dengan pembangunan negara secara awalnya mula diberikan perhatian khusus pada peringkat antarabangsa pada tahun 1980-an. Ironisnya, pada peringkat Asia Tenggara, ASEAN menumpukan kerjasama budaya dan ekonomi sebagai objektif utama sewaktu diasaskan pada 8 Ogos 1967.

Meskipun sebelum ini budaya turut mempengaruhi pentadbiran pembangunan di sesebuah negara, pengaruh itu tidak menonjol serta membentuk asas kuat untuk melihat pembangunan secara keseluruhan.

Model pembangunan di negara seperti Asia dan Afrika misalnya sebelum ini disifatkan lebih kepada 'tiruan' atau replika daripada model Barat untuk memajukan negara, kerana negara berkenaan sebenarnya tidak memiliki model tersendiri. Kesannya, kebanyakan daripada model di negara berkenaan lebih bertumpu kepada ukuran dan cara pembangunan berdasarkan pertimbangan ekonomi dan politik.

Hasil daripada perhimpunan serta perbincangan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), banyak masyarakat antarabangsa menyetujui kenyataan bahawa konsep pembangunan sela-

ma ini sebenarnya menimbulkan krisis.

Antara krisis itu termasuklah isu kemiskinan yang berleluasa; pihak birokrasi yang mentadbir pembangunan dikatakan tidak berakhlak dan tidak berbudaya; peperangan sering mengancam manusia; struktur ekonomi tidak membantu kesejahteraan masyarakat dan pelbagai krisis lain yang menunjukkan betapa pentadbiran pembangunan selama ini diuruskan secara tidak positif dan tidak berkesan.

Pentadbiran pembangunan

Pada Persidangan Dasar Budaya anjuran PBB yang diadakan di Mexico pada tahun 1982, masyarakat antarabangsa mengambil ketetapan memberi pengertian baharu kepada konsep budaya dalam hubungannya dengan pentadbiran pembangunan.

Mengikut takrifan berkenaan, budaya mesti dijadikan dasar bagi setiap pembangunan. Dengan kata lain, konsep budaya harus diperluas sehingga mencakup pola ataupun bentuk perilaku manusia, pandangan hidup manusia terhadap diri mereka, masyarakat dan dunia.

Mengikut pengertian ini juga, budaya harus merangkumi keseluruhan kehidupan manusia. Justeru, dari sudut pentadbiran pembangunan, budaya perlu diberi dimensi baharu serta kedudukan dan keutamaan yang baharu bagi setiap usaha menanganinya.

Rangsang kehidupan sosial

Lanjutan daripada ketetapan itu, Perhimpunan Agung PBB (8 Disember 1986) mengisytiharkan bahawa mulai tahun 1988 sehingga 1997, Dekad Pembangunan Budaya Sedunia dilancarkan dengan tujuan memajukan kehidupan sosial, moral, ekonomi dan teknologi manusia berdasarkan nilai budaya yang diwarisi ber-

sama. Malaysia salah sebuah negara yang menyokong konsep serta model pembangunan ini.

Pada hari ini, dimensi budaya semakin penting dalam pentadbiran pembangunan. Sesuai dengan prinsip murni bahawa pem-

angunan harus bermula dari dalam diri manusia, maka persoalan budaya dalam hubungannya dengan pentadbiran sememangnya akan terus menjadi dasar yang kian kukuh dan sehati dalam setiap kegiatan mentadbir pembangunan.

Budaya berkait rapat dengan perkongsian nilai tertentu dalam kalangan masyarakat. Ia dianggap sebagai unsur utama yang menentukan maju mundur sesuatu masyarakat. Budaya bukan hanya diperlihatkan oleh kesenian dan aspek fizikal lain, tetapi lebih penting nilai yang diamalkan.

Mengikut perspektif pentadbiran pembangunan, budaya diharapkan dapat memberi nilai murni dan bermakna kepada pembangunan itu sendiri.

Bergantung kepada keadaan seperti latar belakang sejarah masyarakat, struktur sosioekonomi (pendidikan, tahap perindustrian, perbandaran dan sebagainya) serta budaya dan adat resam tradisi terutama budaya dalam pembangunan, akan terbentuklah mengikut rangsangan, keperluan serta acuan sendiri.

Penulis

ialah Profesor Sains Politik di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA

Headline	Mewibawakan budaya acuan Malaysia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	27	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	NASRUDIN MOHAMMED	AdValue	RM 9,713
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,139

Konsep budaya harus diperluas sehingga mencakup perilaku manusia, pandangan hidup terhadap diri mereka, masyarakat dan dunia”